

20 NOV 1997

Mahathir-Majlis

MAJLIS BERTINDAK EKONOMI NEGARA AKAN DITUBUH BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 20 NOV (Bernama) -- Kerajaan akan menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara bulan depan bagi menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur ke atas ekonomi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mengumumkan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, penubuhan majlis itu (NEAC) mengambil pendekatan yang pernah digunakan kerajaan selepas tercetus peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969.

Katanya, pada masa itu negara telah diletakkan di dalam keadaan darurat dan ditadbirkan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, penubuhan NEAC tidak melibatkan sebarang perisytiharan darurat melainkan memusatkan segala urusan pentadbiran ekonomi negara di bawah majlis itu yang akan beliau pengerusikan sendiri.

"Untuk melaksanakan ini (mengatasi masalah ekonomi), kita akan menggunakan pendekatan seperti kita guna dalam darurat (13 Mei 1969) dahulu walaupun kita tidaklah hendak isytihar dharurat dan kita tidak akan adakan MAGERAN ataupun lain-lain.

"Namun demikian kita akan wujudkan semula apa yang kita akan panggil sebagai National Economic Action Council (NEAC). Ini akan diadakan di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri-negeri supaya segala-gala yang diuruskan, laporan dan sebagainya akan dipusatkan kepada NEAC," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno selepas mempengerusikan mesyuarat selama dua setengah jam itu.

Perdana Menteri berkata, maklumat-maklumat yang diterima oleh NEAC itu akan digunakan bagi mencipta cara-cara bagi mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan ekonomi.

Sambil menyifatkan pengumumannya mengenai penubuhan NEAC malam ini sebagai pengumuman awal, Dr Mahathir berkata, butiran mengenainya akan dibuat selepas ia diperincikan oleh badan-badan yang dipertanggungjawabkan.

Katanya, struktur keanggotaan majlis itu juga masih belum diputuskan tetapi beliau tidak menolak kemungkinan ia disertai anggota-anggota kabinet dan pelbagai agensi kerajaan.

Perdana Menteri berkata, segala langkah-langkah perlu bagi mengatasi kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham kepada ekonomi negara sudahpun boleh dilaksanakan mulai sekarang.

"Kita dapati bahawa kita masih menghadapi tekanan yang agak kuat terhadap matawang kita dan juga terhadap pasaran saham kita dan oleh itu kita rancang suatu pendekatan yang akan mengembalikan pengurusan ekonomi kita ke tangan kita dan kita tidak semata-mata bertindak balas kepada apa yang dilakukan oleh pihak lain," katanya ketika memulakan persidangan berita itu.

Sebelum itu beliau menerangkan bahawa Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini bertujuan untuk menerangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan dan rakyat untuk memulihkan semula ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata, NEAC bertanggungjawab kepada rakyat dan mempunyai kuasa yang menyeluruh dalam pengurusan ekonomi Malaysia.

Katanya, kerajaan yakin pendekatan itu mampu mengatasi segala masalah ekonomi negara kesan daripada kejatuhan nilai matawang dan kemerosotan

indeks pasaran saham tempatan.

"Kita ada beberapa tindakan yang kita akan ambil dan kita percaya tindakan-tindakan ini akan dapat mengembalikan kepercayaan kepada pengurusan ekonomi kita dan adalah diharapkan dengan itu keadaan nilai matawang kita dan saham kita akan dapat pulih semula," katanya.

Katanya, antara tindakan yang akan diambil termasuk usaha meningkatkan daya saing negara melalui langkah-langkah mengurangkan segala bentuk pembaziran, meningkatkan produktiviti, meningkatkan eksport dan mengurangkan import, meningkatkan kualiti dan mengawal inflasi.

Selain itu, beliau berkata, ia juga meliputi usaha menentukan pelaburan langsung asing meningkat manakala rakyat dan orang asing memperoleh maklumat yang mencukupi dan faham mengenai apa yang berlaku sebenarnya di negara ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan berusaha memperbesarkan Majlis Perniagaan Malaysia (Malaysian Business Council) supaya lebih ramai lagi peniaga dapat menyertainya dan juga meningkatkan peranan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dalam mendapatkan pelaburan asing.

Bagi menjayakan langkah-langkah itu, Perdana Menteri berkata, kerjasama dan sedikit pengorbanan oleh rakyat diperlukan, termasuk oleh pegawai-pegawai kerajaan dan menteri-menteri.

Sebagai contoh, beliau berkata, apabila kerajaan mengurangkan import, rakyat mungkin tidak dapat memperoleh barangan yang biasa mereka gunakan.

"Kalau kita nak kurangkan import, ia termasuk juga gula dan lain-lain makanan. Gula, umpamanya, kita mungkin kena makan kurang manis sikit dan barang-barang lain juga boleh kita kurangkan dan kita cari pengganti di dalam negeri supaya kita tidak payah belanja banyak," katanya.

Katanya, perjalanan ke luar negara juga perlu dikurangkan kerana ia juga melibatkan perbelanjaan seperti membeli barang-barang, bayaran hotel dan sebagainya.

"Ini (langkah-langkah mengurangkan pembaziran) kita kenakan kepada semua termasuk pegawai kerajaan, menteri-menteri kerana kita perlu menjaga supaya kos pengeluaran kita tidak naik dan dengan itu kita akan menjadi lebih kompetitif dan akan mendapat lebih banyak matawang asing (melalui peningkatan eskport)," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada masa yang sama kerajaan akan terus mengawasi supaya harga barangan yang dijual di dalam negeri tidak meningkat.

Bagaimanapun, beliau berkata, jika harga barangan meningkat, kerajaan berharap rakyat, terutama golongan pekerja, tidak menuntut kenaikan gaji yang keterlaluan.

Ketika ditanya sama ada NEAC akan mengkaji semula strategi-strategi yang diumumkan kerajaan melalui Belanjawan 1998, Dr Mahathir berkata: "Bukan kita nak kaji semula tapi kita nak perkemaskan lagi".

"Kadang-kadang pada masa kita buat belanjawan itu masalah tidak begitu besar. Dengan kerana itu kita cuma bayangkan saja (keadaan ekonomi negara) walaupun kita ada mengurangkan banyak perbelanjaan.

"Tetapi kali ini kita nak perketatkan segala tindakan yang tidak bercanggah dengan belanjawan tetapi boleh membantu kita mendapat kejayaan yang lebih daripada yang dibayangkan oleh belanjawan," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah-langkah yang akan diambil oleh NEAC juga tidak begitu menitik beratkan unjuran pertumbuhan ekonomi negara kerana apa yang lebih penting ialah menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dalam pasaran.

"Kita akan cuba mengekalkan pertumbuhan dan yang mana kita tahu kalau kita berjaya meningkatkan eksport, ia juga akan menyumbang kepada pertumbuhan dan pengurangan pembaziran yang sudah tentu akan meningkatkan pertumbuhan," katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Majlis Tertinggi Umno menyokong penuh penubuhan NEAC. -- Bernama.
AH RAZ WAT